

## Maybank, Nanyang Technological University jalin kerjasama

Wartawan Sinar Harian  
26 Jun 2018



Nora Abdul Manaf (kiri) dan Foo Mee Har menandatangani perjanjian kerjasama mewakili kedua-dua buah organisasi.

**KUMPULAN** Maybank telah menandatangani kerjasama strategik dengan Wealth Management Institute (WMI) Nanyang Technological University Singapura (NTU Singapura) untuk menubuhkan Akademi Pengurusan Kekayaan (Wealth Management Academy - WMA) Maybank, semalam.

Melalui perjanjian itu, WMA Maybank adalah bank pertama di Malaysia melancarkan kurikulum pengurusan kekayaan serantau dengan WMI.

Kurikulum pengurusan kekayaan ini menawarkan kurikulum berasaskan latihan kepada pegawai jualan, pakar dan pengurus kekayaan dari segmen Kekayaan Peribadi, Premier dan Keistimewaan (Privilege) di lapan pasaran global Maybank, iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Hong Kong, Kemboja, Brunei dan London.

Pelancaran WMA Maybank adalah seiring dengan misi "Menginsankan Perkhidmatan Kewangan" Maybank serta fokusnya dalam pembangunan modal insan dengan kerjasama institusi terkemuka seperti NTU Singapura, sebuah universiti berintensifkan penyelidikan yang mempunyai kedudukan ke-12 dunia.

Pelancaran rasmi penubuhan WMA telah diadakan di Kuala Lumpur, menyaksikan Ketua Pegawai Modal Insan Maybank, Nora Abdul Manaf dan Ketua Pegawai Eksekutif WMI, Foo Mee Har menandatangani perjanjian kerjasama mewakili kedua-dua buah organisasi.

Menurut Nora, WMA adalah salah satu inisiatif penting Maybank seiring dengan objektif strategiknya untuk menjadi bank komuniti terbaik di rantau ini.


"WMA akan membantu untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai pengurusan kekayaan selain mengikuti peluang-peluang baru yang terdapat di era 4.0 yang berkembang dengan pesat pada hari ini.

"Kurikulum yang ditawarkan di WMA akan melengkapkan inisiatif peningkatan kemahiran digital Maybank – program peningkatan kemahiran FutureReady.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif WMI, Foo Mee Har berharap, menerusi perjanjian ini, dapat memanfaatkan pengalaman pihaknya melatih lebih dari 14,500 pakar kewangan dari 23 buah negara serta rangkaian kukuh yang terdiri daripada pengamal pengurusan kekayaan terkemuka dan fakulti NTU.

Fasa pertama kerjasama ini akan melihat lebih dari 150 pengurus perhubungan Maybank, penasihat pelanggan, pengurus dan pakar kekayaan dari Malaysia, Singapura dan Hong Kong telah mendaftar untuk kursus julung kali ini yang sedang berlangsung di Singapura dan Malaysia. Sebanyak tiga kursus yang ditawarkan iaitu, Program Pengurusan Kekayaan Perbankan Peribadi WMI (PBWM) yang diiktiraf di Tahap 1 Perbankan Persendirian di Institute of Banking and Finance (IBF), iaitu versi khas PBWM dan program Penasihat Pelaburan yang diiktiraf di Tahap 2/3 Perbankan Peribadi IBF.

Custom Search



## INSTAGRAM



## Hubungi Kami untuk lawatan

Email: [lawatan@karangkraf.com](mailto:lawatan@karangkraf.com)  
Perhubungan Awam & Komunikasi Korporat,  
Kumpulan Media Karangkraf  
Lot 1, Jalan Renggam 15/5, Off Persiaran  
Selangor, Seksyen 15, 40200, Shah Alam, Selangor.

